

26/10/1999

Anwar sogok Umno bahagian: PM

Kamal Ahmad; Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menggunakan wang bagi membeli undi daripada Umno bahagian supaya mencalonnya dalam perhimpunan agung parti itu pada 1993.

Perdana Menteri berkata, Umno mempunyai bukti Anwar menggunakan wang dengan menyogok bahagian Umno supaya beliau dicalonkan untuk melawan Tun Ghafar Baba bagi merebut jawatan Timbalan Presiden Umno ketika itu.

"Kita mempunyai bukti jelas Datuk Seri Anwar mempunyai banyak kroni dan mereka itu kaya-kaya belaka. Kita tahu macam-macam lagi penipuan yang dilakukan Anwar," katanya mengulas dakwaan Anwar di mahkamah bahawa ada menteri terbabit dalam rasuah.

Dr Mahathir berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Di Mahkamah Tinggi hari ini, Anwar antara lain mendakwa, Tun Daim Zainuddin terbabit dalam salah laku seksual dan rasuah membawa keluar wang berbilion ringgit serta menyeludup wanita ke negara ini menerusi jet peribadinya.

Anwar yang memberi keterangan membela diri, berkata Daim adalah seorang daripada ketua komplot yang memalsukan bukti untuk membuat tuduhan meliwat ke atasnya.

Pada kempen pemilihan 1993, Anwar yang ketika itu Naib Presiden mendapat pencalonan daripada 145 bahagian Umno, manakala Ghafar hanya tujuh bahagian. Berikutan itu, Ghafar yang juga Timbalan Perdana Menteri ketika itu, menarik diri daripada bertanding serta meletakkan jawatan.

Dr Mahathir ketika ditanya sama ada akan hadir ke mahkamah bagi memberi keterangan ketika perbicaraan Anwar, beliau berkata: "Jika undang-undang memerlukan saya hadir ke mahkamah, saya akan ke mahkamah."

Perdana Menteri berkata, pembangkang boleh membuat pelbagai tuduhan tetapi sama ada tuduhan itu benar, ia soal lain.

(END)